

Tarik minat belia ceburi industri sagu, nipah

Oleh **Mohd Roji Kawi** - Februari 16, 2022 @ 5:27pm

mdroji@bh.com.my



Foto hiasan

KUCHING : Kajian mendalam berhubung kurangnya pembabitkan belia luar bandar dalam industri sagu dan nipah perlu dilaksanakan ketika kerajaan berhasrat untuk memperkasakan industri berkaitan.

Datuk Seri Wong Soon Koh (PSB-Bawang Assan), berkata isu kekurangan pembabitkan golongan muda itu jika tidak ditangani dengan sebaiknya boleh menjejaskan masa depan industri berkenaan.

Katanya, ketika ini sebahagian besar pekebun kecil dan industri kotej berkaitan sagu khasnya sudah berusia.

"Ini menunjukkan, belia luar bandar perlu mengambil alih tugas daripada ibu bapa mereka dalam sektor huluan dan hiliran industri sagu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahas Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Pembangunan Sagu dan Nipah, 2022 yang dibentangkan oleh Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom pada

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, hari ini.

Menurutnya lagi, data pada 2018 menunjukkan daripada 171,192 petani berdaftar dengan Persatuan Peladang Kawasan (PPK) hanya 20,543 atau 12 peratus daripada ahlinya adalah kalangan belia.

Mengenai penubuhan Lembaga Kemajuan Sagu dan Nipah (LKSN) Sarawak, Soon Koh, berkata sudah tiba masanya untuk menjalankan penilaian mendalam terhadap kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman sebenar berkaitan industri sagu, nipah dan getah, jika ia belum dilakukan.

Abdul Yakub Arbi (GPS-Balingian) pula berkata, penubuhan LKSN diharap akan dapat berfungsi sebagai platform untuk mempromosikan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sagu dan nipah agar lebih banyak produk boleh dihasilkan daripada industri itu seterusnya mempelbagaikan aktiviti ekonomi masyarakat.

"Sagu memang industri menguntungkan kerana harga pasaran dunianya tidak kurang daripada RM2,000 satu tan selama lima tahun yang lalu,"katanya.

Abdul Yakub berkata, berdasarkan statistik terkini daripada Jabatan Pertanian terdapat kira-kira 32,000 pekebun kecil terlibat dalam industri sagu di Sarawak khususnya di Pusa, Igan, Dalat, Mukah dan Balingian.

Beliau berkata, industri sagu dan nipah sudah agak lama dalam radar rancangan pembangunanan kerajaan Sarawak dan pada 1993, Ketua Menteri ketika itu, Tun Abdul Taib Mahmud mengumumkan kira-kira 20,000 hektar tanah bagi memulakan perladangan sagu berskala besar.

Razaili Gapor (GPS-Beting Maro) pula mahukan LKSN meneroka potensi kedua-dua tanaman itu dengan lebih meluas khususnya dalam bidang kosmetik, farmaseutikal, kimia, tekstil dan etanol.

Katanya, sagu dan nipah adalah tanaman strategik yang memerlukan penerokaan semula dengan suntikan inovasi berterusan dan teknologi pengekstrakan terkini.

"Selain cukup terkenal sebagai produk pelbagai guna, lebih penting dengan kemajuan teknologi dan penyelidikan, pengeluaran kedua-kedua produk boleh dikomersialkan.

"Ia bagi memberi pulangan pelaburan dan ekonomi terutama dalam pengeluaran biofuel seperti etanol yang bersifat mesra alam sekitar dan merupakan bahan tenaga yang boleh diperbaharui," katanya.

Sementara itu, Azizul Annuar Adenan (GPS-Tanjung Datu) memohon agar kerajaan mengembangkan industri nipah ke kawasan Tanjung Datu yang mempunyai banyak kawasan tanah berpayau.

"Tanjung Datu juga tidak mahu ketinggalan dalam pembangunan industri nipah bagi meningkatkan pendapatan masyarakat setempat serta merencanakan pembangunan kawasan itu.

Seramai 13 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) membahaskan RUU itu sebelum ia diluluskan oleh Timbalan Speaker, Datuk Idris Buang selepas mendapat sokongan sebulat suara.